

03 JAN 1997

AGONG UTUS UCAPAN TAHNIAH KEPADA MYANMAR

KUALA LUMPUR, 3 Jan (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah hari ini menghantar perutusan tahniah kepada Pengerusi Majlis Pemulihan Undang-undang dan Ketenteraman Myanmar Than Shwe sempena Hari Kebangsaan negara itu esok.

Seri Paduka berharap hubungan dua hala yang baik antara Malaysia dan Myanmar bertambah baik pada masa hadapan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menghantar perutusan yang sama kepada Than Shwe.

Beliau berharap hubungan yang sedia ada antara kedua-dua negara dapat dipertingkatkan demi kepentingan negara dan rakyat.

Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi turut menghantar perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya Ohn Gyaw.

-- BERNAMA

WNZ SN AHH